



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

BANTUAN KEWANGAN KHAS OKU (PAKEJ PEMULIH)

JABATAN PEMBANGUNAN ORANG KURANG UPAYA (JPOKU)

14 JULAI 2021

1. Apakah Bantuan Kewangan Khas OKU (Pakej PEMULIH)

Bantuan ini adalah merupakan **bantuan kewangan** yang disediakan oleh kerajaan bagi **membantu individu OKU (Bukan penerima Bantuan Bulanan JKM)** yang terkesan teruk akibat pandemik COVID-19 seperti **diberhentikan kerja, dibayar separuh gaji, diarah bercuti tanpa dibayar gaji atau bekerja sendiri.**

2. Berapakah kadar bantuan kewangan ini dan tempoh pembayarannya?

Kadar bantuan ini adalah **sebanyak RM500 sebulan** dan **dibayar setiap bulan selama tempoh 3 bulan** kepada **individu yang telah diluluskan permohonannya.**

3. Apakah objektif bantuan kewangan ini?

- 3.1. Membantu secara kewangan kepada OKU yang terkesan akibat pandemik COVID-19
- 3.2. Membantu OKU yang hilang pekerjaan bagi meneruskan kelangsungan hidup
- 3.3. Mengenalpasti bilangan sebenar OKU yang bekerja namun tidak menerima sebarang bantuan bulanan kerajaan
- 3.4. Sebagai insentif kepada OKU yang produktif tetapi terkesan disebabkan oleh pandemik COVID-19 selama hampir 1½ tahun.

4. Bilakah permohonan boleh dikemukakan?

Permohonan boleh dikemukakan mulai 19 Julai 2021 sehingga 6 Ogos 2021

5. Apakah syarat kelayakan untuk memohon bantuan kewangan ini?

- i. OKU yang berdaftar dengan JKM;
- ii. OKU yang berumur 16 tahun ke atas dan bekerja
- iii. OKU bukan penerima Bantuan Bulanan JKM;
- iv. Pekerja OKU yang terkesan kerana diberhentikan kerja, dibayar separuh gaji/pendapatan berkurangan atau diarah bercuti tanpa dibayar gaji; dan
- v. OKU yang bukan kakitangan kerajaan.

6. Bagaimanakah untuk memohon bantuan kewangan ini?

Permohonan boleh dikemukakan melalui beberapa kaedah seperti berikut:

- i. Isi borang Permohonan Bantuan Kewangan Khas OKU (Pakej PEMULIH) melalui google form yang terdapat di laman web JKM iaitu www.jkm.gov.my
- ii. Permohonan secara mengisi borang yang boleh dimuatturun daripada laman web JKM iaitu www.jkm.gov.my (seperti dalam **Lampiran A**) dan dihantar ke PKMD / dimasukkan dalam *dropbox* yang disediakan atau menghantar semua dokumen dalam bentuk *pdf* ke alamat emel bantuanokupemulih@jkm.gov.my
- iii. Permohonan secara mengisi borang dan dihantar kepada pihak NGO untuk diserahkan kepada pihak PKMD atau menghantar semua dokumen dalam bentuk *pdf* ke alamat emel bantuanokupemulih@jkm.gov.my

Setiap pemohon perlu muat naik (*upload*) atau sertakan dokumen sokongan seperti berikut:

- i. Salinan Kad OKU / Dokumen Pengenalan Sementara OKU;
- ii. Salinan muka depan buku akaun bank yang aktif / slip berkaitan no akaun bank / sebarang dokumen sokongan yang berkaitan.

7. Apakah kaedah pembayaran bantuan kewangan ini?

Bagi permohonan yang lengkap dan telah diluluskan, pihak Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) akan melaksanakan bayaran ke akaun pemohon yang dinyatakan dalam borang permohonan.

8. Dalam tempoh berapa hari pemohon akan mendapat bantuan?

Permohonan yang lengkap dan yang telah diluluskan akan diproses dalam masa 14 hari.

9. Apakah nombor telefon yang boleh saya hubungi sekiranya ada sebarang pertanyaan tentang bantuan ini?

Pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada petugas di semua Bilik Gerakan JKM Negeri. **(Lampiran B)**

10. Berapa ramai OKU yang akan menerima Bantuan Kewangan Khas OKU (Pakej PEMULIH) ini?

Seramai 20,000 OKU yang mengemukakan borang permohonan yang lengkap dalam tempoh masa yang ditetapkan dijangka mendapat manfaat daripada inisiatif ini. Walau bagaimanapun, permohonan yang awal akan diberi keutamaan.

Disediakan oleh:

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya

Jabatan Kebajikan Masyarakat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

14 Julai 2021



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**BORANG PERMOHONAN
BANTUAN KEWANGAN KHAS OKU (PAKEJ PEMULIH)
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

NAMA PEMOHON	
NO KAD PENGENALAN	
ALAMAT TEMPAT TINGGAL	
DAERAH	
NEGERI	
NO. KAD OKU	
KATEGORI OKU	
PEKERJAAN SEKARANG Majikan <input type="checkbox"/> Bekerja sendiri <input type="checkbox"/>	ADA / TIADA Sekiranya ada, sila nyatakan jenis pekerjaan:
NAMA DAN ALAMAT (Majikan / Bekerja sendiri)	
NO. TELEFON (Majikan)	

MAKLUMAT GAJI / PENDAPATAN BULANAN TERKINI YANG TERJEJAS (Isi yang berkaitan sahaja) i) Hilang Pekerjaan ii) Kurang Pendapatan	Gaji akhir: RM _____ Gaji asal: RM _____ Gaji baru: RM _____
NO TELEFON (Sendiri)	
PENERIMA BANTUAN JKM	YA / TIDAK Sekiranya ya, nyatakan jenis bantuan
NO AKAUN & BANK	NO AKAUN: NAMA BANK:
PERAKUAN PEMOHON	
<p>Saya No. Kad Pengenalan mengakui bahawa maklumat yang diberikan dalam Borang ini adalah benar dan betul.</p> <p>Dengan ini, saya juga mengesahkan bahawa pendapatan saya terjejas dan merupakan seorang OKU yang terkesan sepanjang tempoh pandemik COVID-19.</p> <p>Saya bertanggungjawab kepada kenyataan saya ini.</p> <p>Tandatangan / Cap Ibu Jari Pemohon _____ Tarikh: _____</p>	

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA	
Kelulusan PKMD	
Tandatangan & Cop PKMD	
Tarikh	

SILA SERTAKAN / BAWA DOKUMEN TERSEBUT SEMASA HADIR KE PEJABAT:

- i. Salinan Kad OKU / Dokumen Pengenalan Sementara OKU; dan
- ii. Salinan muka depan buku akaun bank yang aktif / slip berkaitan no akaun bank / sebarang dokumen sokongan yang berkaitan.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- i. OKU yang berdaftar dengan JKM;
- ii. OKU yang berumur 16 tahun ke atas dan bekerja;
- iii. OKU bukan penerima Bantuan Bulanan JKM;
- iv. Pekerja OKU yang terkesan kerana diberhentikan kerja, dibayar separuh gaji/pendapatan berkurangan atau diarah bercuti tanpa dibayar gaji; dan
- v. OKU yang bukan kakitangan kerajaan.

BILIK GERAKAN JKM

Waktu Operasi 8 AM - 5 PM (Setiap Hari Waktu Bekerja)

NO. TELEFON BILIK GERAKAN JKM



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

JKM Ibu Pejabat Putrajaya	03-8323 1996
JKM Selangor	03-5545 8570
JKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya	03-2612 4025
JKM Johor	07-228 1450
JKM Melaka	06-232 4670
JKM Negeri Sembilan	06-765 9332
JKM Perak	05-254 5505
JKM Pulau Pinang	04-650 5258/5259
JKM Kedah	04-700 1700
JKM Perlis	04-973 1926
JKM Pahang	09-565 0226
JKM Terengganu	09-630 1193
JKM Kelantan	09-741 6925
JKM Sabah	088-246 222
JKM Sarawak	082-443 194
JKM Wilayah Persekutuan Labuan	087-424 961



TALIAN *Kasih*
15999



Whatsapp
019 26 15999



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19

<http://www.jkm.gov.my>

f JKMHQ

@jkmhq

@JKMHQ

Infografik: JKM